

24 MAR 2001

Mahathir-Langkawi

KEKALKAN KEINDAHAN ASLI LANGKAWI, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata segala bentuk pembangunan yang dirancang di Langkawi perlu mengambil kira kesan terhadap keindahan alam sekitar serta menepati dasar dan perancangan yang teliti untuk menonjolkan pulau peranginan ini sebagai sebuah bandar raya pelancongan.

Dalam keputusan dalam buku cenderamata sempena pengisytiharan Langkawi sebagai bandar raya pelancongan hari ini, Perdana Menteri berkata kerajaan yakin Langkawi akan muncul sebagai sebuah destinasi utama pelancongan di rantau ini.

Katanya usaha mengekalkan keindahan alam semula jadi seperti bukit bukau, pantai yang cantik, air laut yang bersih dan pulau yang unik perlu diberi perhatian kerana ia merupakan aset utama Langkawi sebagai daya tarikan pelancong.

"Langkawi telah melangkah setapak ke hadapan dengan kenaikan taraf Majlis Daerah Langkawi kepada status majlis perbandaran," kata beliau sambil melahirkan rasa bangganya dengan kenaikan taraf itu.

Majlis pengisytiharan disempurnakan oleh Sultan Kedah. Status Langkawi sebagai bandar raya pelancongan itu telah diwartakan pada 6 Dis lepas.

Dr Mahathir meminta penduduk Langkawi memainkan peranan membantu agensi kerajaan dalam usaha memelihara keindahan pulau itu.

Dalam perutusannya pula, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata kenaikan taraf itu merupakan satu pengiktirafan kerajaan terhadap MPL dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang lebih baik dengan memberi keutamaan kepada kebersihan, kemudahan prasarana dan infrastuktur yang terancang.

Beliau juga meminta MPL mengekalkan keindahan alam semula jadi Langkawi sesuai dengan status bandar raya pelancongan.

-- BERNAMA

NH MAI